

KAJIAN AWAL SOROTAN LITERATUR LITERASI MEDIA DAN PERUBAHAN TINGKAH LAKU KESIHATAN TAHUN 2010 HINGGA 2020

A PRELIMINARY STUDY OF LITERATURE REVIEW ON MEDIA LITERACY AND HEALTH BEHAVIORAL CHANGES FROM 2010 UNTIL 2020

¹NORHUDA SALLEH

²NOR ADILA SAMURI

³ASMIATY AMAT

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Penulis penghubung: ¹norhudasalleh@ums.edu.my,
²NOR_SAMURi_DA23@iluv.ums.edu.my, ³asmiaty@ums.edu.my

Dihantar/Received: 5 Mei 2024 | Penambahbaikan/Revised: 20 Novemer 2024

Diterima/Accepted: 17 Julai 2024 | Terbit/ Published: 31 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v1i1.5834>

Abstrak Kajian ini meneliti tahap literasi media dan perubahan tingkah laku kesihatan dalam kalangan masyarakat dari 2010 hingga 2020. Masalah kajian berfokus kepada pengaruh literasi media terhadap keputusan kesihatan. Objektifnya adalah untuk meninjau tahap literasi media yang mempengaruhi perubahan tingkah laku kesihatan individu. Kajian ini juga mengkaji kesesuaian pendekatan yang digunakan untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap kepentingan literasi media. Metodologi penyelidikan melibatkan tinjauan literatur secara sistematik terhadap kajian terdahulu menerusi pangkalan data Scopus yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, yang menawarkan capaian terbuka sahaja. Kata kunci yang digunakan untuk proses pencarian artikel yang menepati kriteria penelitian adalah 'media', 'literacy', 'communication', 'behaviour' dan 'health'. Sampel kajian terdiri daripada 402 artikel jurnal, dengan hanya 34 artikel sahaja yang memenuhi kriteria. Dapatan menunjukkan literasi media yang baik mempunyai kemungkinan untuk meningkatkan kesedaran dan membawa kepada perubahan tingkah laku kesihatan. Kesimpulan menyarankan peningkatan literasi media melalui pendidikan adalah diperlukan agar masyarakat lebih berkebolehan untuk memahami dan menilai informasi yang diterima dengan lebih berkualiti.

Kata kunci: Media, kesedaran kesihatan, implementasi tindakan, kesihatan.

Abstract This study examines the level of media literacy and changes in health behavior among the community from 2010 to 2020. The research problem focuses on the influence of media literacy on health decisions. The objective is to review the level of media literacy that affects changes in individual health behavior. This study also examines the suitability of approaches used to change public perception of the importance of media literacy. The research methodology

involves a systematic literature review of previous studies through the Scopus database, written in Malay and English, offering open access only. The keywords used for the article search process that meet the research criteria are 'media', 'literacy', 'communication', 'behavior', and 'health'. The study sample consists of 402 journal articles, with only 34 articles meeting the criteria. The findings show that good media literacy has the potential to increase awareness and lead to changes in health behavior. The conclusion suggests that increasing media literacy through education is necessary for the community to better understand and evaluate the information received with higher quality.

Keywords: *Media literacy, health behaviors, health awareness, behavioral changes.*

PENDAHULUAN

Pada era globalisasi, persekitaran media berubah secara drastik daripada bercetak kepada digital serta daripada maklumat setempat kepada limpahan maklumat global (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019). Perubahan ini menjadikan literasi media semakin penting untuk membantu individu menilai mesej media secara kritis, seterusnya berfungsi sebagai alat pembelajaran sepanjang hayat (Lau, 2006; Ciurel, 2016; Yazid & Zuliana, 2018; Stix & Jolls, 2020).

Literasi media merangkumi gabungan konsep ‘literasi’ dan ‘media.’ Literasi, menurut Street (2003), ialah kemahiran kognitif yang berbentuk ‘praktik sosial kontekstual,’ bergantung kepada pengalaman hidup individu. Ini ditegaskan oleh Cappello (2017) yang menyatakan, *literacy is not a neutral skill to be learned, but a situated social practice*. Media pula merujuk kepada saluran komunikasi yang menyampaikan maklumat melalui platform tradisional seperti surat khabar (Hoag, 2008) dan media elektronik moden (Salvin Paul & Maheema Rai, 2021).

Terdapat dua pendekatan utama literasi media: ‘protectionist,’ yang melindungi individu daripada pengaruh media negatif (Cappello, 2017), dan ‘dialogical,’ yang memupuk pemahaman mendalam terhadap mesej media. Buckingham (2003) menegaskan bahawa literasi media membantu pelajar meningkatkan refleksi dan kefahaman terhadap kandungan media.

Penulisan ini meninjau hubungan antara literasi media dan keputusan kesihatan sendiri, dengan fokus kepada perubahan tingkah laku kesihatan. Permasalahan utama ialah sejauh mana literasi media mampu mempengaruhi keputusan individu terhadap amalan kesihatan. Melalui kajian terdahulu, artikel ini bertujuan memberikan pandangan komprehensif tentang peranan literasi media dalam membentuk kesedaran kesihatan masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini membahas peranan literasi media dalam kehidupan seharian, termasuk pendidikan prasekolah, keselamatan siber, kesihatan mental remaja, dan perubahan tingkah laku pencarian maklumat kesihatan bagi pelajar universiti awam. Contohnya, penggunaan platform pembelajaran dalam talian eToyBox meningkatkan literasi kesihatan berkaitan obesiti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Kuala Lumpur, Selangor, dan Sarawak (Yi Ting et al., 2024).

Dalam aspek keselamatan siber, literasi maklumat dan media serta kesediaan digital membantu mencapai kesejahteraan digital (Abdul Rahman et al., 2024). Paul Marsden (2022)

menerangkan tiga pendekatan untuk kesejahteraan digital; penggunaan aplikasi digital untuk kesihatan fizikal, mental, dan kewangan; teknologi digital untuk mengawal kehidupan; dan interaksi dalam talian yang sihat.

Literasi media juga penting dalam kesihatan mental remaja, terutama dengan peningkatan penggunaan media sosial (Najiah Sahide et al., 2022). Sokongan pelbagai pihak diperlukan untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Teknologi canggih memudahkan pencarian maklumat kesihatan pelajar universiti awam, tetapi literasi media yang baik diperlukan untuk mengawal dan mengaplikasikan maklumat ini (Mohammad Rezal Hamzah et al., 2016).

Secara keseluruhan, literasi media mempengaruhi perubahan tingkah laku masyarakat. Kajian ini memberi fokus kepada tahap literasi media dan pengaruhnya terhadap tingkah laku kesihatan.

Pengaruh Literasi Media terhadap Tingkah Laku Kesihatan

Jayantibhai dan Tejal (2010) menekankan bahawa kemajuan ICT membawa peluang dan cabaran, termasuk jurang literasi maklumat yang menjejaskan keputusan kesihatan. Emma Mohamad et al. (2015) menyokong pandangan ini, menunjukkan bahawa individu dengan literasi media yang lebih tinggi membuat keputusan kesihatan yang lebih baik.

Cappello (2017) menyatakan bahawa literasi media membantu mengembangkan kemahiran berfikir kritis untuk mengawal penggunaan media. Parandeh Afshar et al. (2022) mendapati hubungan positif antara literasi media dan kesihatan di Kerman, Iran, dengan 53.2% literasi kesihatan dan 38.6%-61.3% literasi media. Levin-Zamir & Bertschi (2018) menjelaskan konsep 'Media Health Literacy' yang menilai maklumat kesihatan untuk panduan hidup. Peningkatan aplikasi digital kesihatan menunjukkan kesedaran masyarakat tentang kesihatan diri.


Kesan Literasi Media Terhadap Kesedaran Kesihatan

Kajian oleh Ciurel (2016) dan Norazimah Abd Rashid et al. (2016) menunjukkan literasi media meningkatkan kesedaran kesihatan dan membawa perubahan positif dalam tingkah laku kesihatan. Mohammad Rezal Hamzah et al. (2016) mendapati literasi kesihatan yang baik menyumbang kepada pencarian maklumat kesihatan yang berkesan.

Perbezaan dalam Pendekatan dan Keberkesanan

Lau (2006) mencadangkan pendekatan pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan literasi media. Emma Mohamad et al. (2015) menunjukkan media sosial membantu ibu memahami pemilihan susu tumbesaran kanak-kanak lebih baik berbanding media tradisional. Pearson et al. (2011) mencadangkan pendekatan bersepadu melibatkan kerajaan, NGO, dan komuniti untuk meningkatkan literasi media dan kesedaran kesihatan.

Model Literasi e-Kesihatan Transaksional



Rajah 1

Model Literasi e-Kesihatan Transaksional (Paige et al., 2018)

Paige et al. (2018) memperkenalkan Model Literasi e-Kesihatan Transaksional yang menekankan kepentingan literasi digital dalam kesihatan. Model ini mempunyai empat tahap: fungsian, komunikatif, kritikal, dan translasi. Tahap fungsian melibatkan penerimaan dan aplikasi maklumat sahih. Tahap komunikatif melibatkan interaksi dan toleransi. Tahap kritikal melibatkan semakan kesahihan maklumat. Tahap translasi melibatkan penyesuaian maklumat dengan keadaan kesihatan sendiri.

Secara keseluruhannya, literasi media yang baik mendorong masyarakat membuat keputusan kesihatan yang lebih baik dan meningkatkan kesedaran kesihatan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman peranan literasi media dalam kesihatan dan perubahan tingkah laku masyarakat berdasarkan penerbitan Scopus 2010-2020.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur sistematik (SLR) untuk menganalisis kajian terdahulu, bertujuan memahami isu yang diterokai. Proses ini melibatkan pembacaan mendalam, merangka persoalan utama, dan menetapkan kata kunci yang dibincangkan. Penganalisan terhadap kriteria kelayakan dan pengecualian turut dilakukan agar hanya artikel jurnal yang memenuhi garis panduan dipilih. Kajian ini menggunakan pangkalan data Scopus kerana kredibilitinya, seperti yang dinyatakan oleh Elsevier (2023), dengan lebih 2.4 bilion sorotan sejak 1970. Teknik *PRISMA* (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis*) diaplikasikan, seperti dalam kajian Muhaymin Hakim Abdullah et al. (2022) dan Nur Syaedah Kamis et al. (2023).

Persoalan Kajian

Persoalan kajian dirangka berdasarkan rangka kerja PICO (*population, interest, context*). Dalam kajian ini, elemen P ialah literasi kesihatan, elemen I ialah perubahan tingkah laku, dan elemen Co ialah aspek kesihatan. Gabungan elemen ini menjawab persoalan tentang tahap literasi media masyarakat dan kaitannya dengan perubahan tingkah laku kesihatan berdasarkan analisis artikel jurnal dalam pangkalan data Scopus.

Strategi Carian

Strategi carian menggunakan kata kunci seperti "media," "literacy," "communication," "behaviour," dan "health." Artikel dipilih berdasarkan kriteria penerbitan (2010–2020), bidang kajian, bahasa (Melayu dan Inggeris), serta capaian terbuka. Proses ini memastikan artikel relevan dengan skop kajian.

Jadual 1

Pangkalan Data dan Kata Kunci yang Digunakan untuk Carian Artikel

Pangkalan Data	Kata Kunci yang Digunakan
Strategi Carian/Kata kunci	<i>TITLE-ABS-KEY ("media" AND "literacy" AND "communication" AND "behaviour" AND "health")</i>

Kriteria Kelayakan dan Pengecualian

Setelah melengkapkan strategi carian, proses penapisan artikel dilakukan berdasarkan kriteria kelayakan dan pengecualian yang telah ditetapkan. Penulisan ini menggunakan empat elemen utama sebagai asas pemilihan artikel, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Elemen pertama ialah garis masa penerbitan, di mana hanya artikel yang diterbitkan antara tahun 2010 hingga 2020 dipilih. Tempoh 10 tahun ini dipilih untuk mengenal pasti trend penerbitan terkini yang relevan dengan isu yang dikaji. Kedua, penulisan ini hanya memfokuskan kepada artikel jurnal, yang memberikan data empirikal dan ulasan saintifik yang lebih kukuh berbanding jenis penerbitan lain. Justifikasi ini selaras dengan skop kajian yang telah dijelaskan dalam bahagian pendahuluan, yang bertujuan untuk memastikan hanya sumber yang bersifat akademik dan saintifik dirujuk.

Seterusnya, artikel yang dipilih terhad kepada bidang perubatan, sains sosial, kejururawatan, dan pelbagai disiplin (multidisiplin). Pembatasan ini memastikan hanya kajian yang relevan dengan konteks penyelidikan diambil kira. Di samping itu, hanya artikel yang ditulis dalam bahasa Melayu atau Inggeris dipilih untuk memudahkan analisis dan perbandingan kandungan.

Akhir sekali, ruang lingkup carian hanya tertumpu pada pangkalan data Scopus yang menyediakan capaian terbuka. Pangkalan data ini dipilih kerana ia menawarkan koleksi artikel yang berkualiti tinggi dan terindeks dengan baik. Walaupun hanya artikel dengan capaian terbuka dipertimbangkan, langkah ini tidak menjejaskan kredibiliti kerana Scopus menyediakan pelbagai penerbitan yang relevan dan diiktiraf.

Proses dan kronologi penapisan ini telah dijelaskan secara terperinci, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Pendekatan ini memastikan bahawa hanya artikel yang memenuhi kriteria ketat ini diambil kira untuk menjamin kebolehpercayaan dan kesahihan hasil analisis.


Jadual 2

Kriteria Penentuan bagi Penerbitan yang Dipilih

Kriteria	Faktor Penerimaan	Faktor Pengecualian
Penerbitan Garis Masa	2010-2020	Selain tahun 2010-2020
Jenis Sorotan	Artikel jurnal	Selain artikel jurnal
Bidang	Perubatan, sains sosial, kejururawatan dan pelbagai disiplin(<i>multidisciplinary</i>)	Selain bidang perubatan, sains sosial, kejururawatan dan pelbagai disiplin(<i>multidisciplinary</i>)
Bahasa	Bahasa Melayu dan Inggeris	Selain daripada bahasa Melayu dan Inggeris
Capaian	Capaian terbuka	Selain capaian terbuka


DAPATAN KAJIAN

Merujuk kepada Rajah 2, sebanyak 402 penerbitan dikenal pasti menerusi Scopus menggunakan kata kunci berkaitan. Setelah tapisan dilakukan, 334 penerbitan dikecualikan berdasarkan lima kriteria utama, termasuk tarikh penerbitan, bidang subjek, format, bahasa, dan capaian terbuka. Hasilnya, hanya 34 artikel memenuhi kriteria untuk dianalisis.



Rajah 2

Carta Alir Pengumpulan data diadaptasi daripada, Moher et al., (2015), menerusi penulisannya yang bertajuk Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis Protocols (PRISMA-P) 2015 Statement.



Rajah 3

Jumlah Artikel dianalisis Berlandaskan Pangkalan Data Scopus Mengikut Pecahan Tahun 2010 – 2020. (n= 34). Sumber: Kajian Lapangan.

Jadual 3: Tinjauan Literatur Mengenai Tahap Literasi Media dan Perubahan Tingkah Laku Kesihatan Masyarakat

Tajuk	Pengarang	Dapatan kajian	Tahun Penerbitan
<i>Media Health Literacy (MHL): Development and Measurement of the Concept Among Adolescents</i>	Levin-Zamir, D., Lemish, D., & Gofin, R	Faktor latar belakang keluarga mempengaruhi kesedaran remaja terhadap penggunaan media berkualiti untuk kesihatan. Remaja dengan penjaga berpelajaran tinggi dan pengetahuan kesihatan yang baik menunjukkan literasi media kesihatan lebih tinggi. Kajian di Israel mendapati remaja perempuan dengan ibu berpendidikan lebih 15 tahun mempunyai literasi kesihatan media lebih tinggi.	2011
<i>Experimental Evidence on the Impact of Food Advertising on Children's Knowledge About and Preferences for Healthful Food</i>	Reisch, L. A., Gwozdz, W., Barba, G., De Henauw, S., Lascorz, N., & Pigeot, I.	Kajian terhadap 229 kanak-kanak Eropah meneliti pengaruh media terhadap kesihatan mereka (obesiti). Hasilnya menunjukkan pengetahuan makanan, keutamaan makanan, diet, dan berat badan adalah penting. Namun, tiada hubungan signifikan antara pengetahuan makanan dan keutamaan makanan kerana pengaruh media lebih kuat dalam komunikasi makanan komersial.	2013
<i>Evaluating the Efficacy of Tuberculosis Advocacy, Communication and Social Mobilization (ACSM) Activities in Pakistan: A Cross-Sectional Study</i>	Turk, T., Newton, F. J., Netwon, J. D., Naureen, F., & Bokhari, J.	Kajian terhadap 2400 sampel di Pakistan melibatkan tiga kumpulan dengan pendedahan berbeza mengenai batuk kering. Hasil kajian menunjukkan jurang pengetahuan di kawasan luar bandar, ditambah dengan masalah buta huruf. ACSM perlu meningkatkan pendedahan media untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang batuk kering.	2013
<i>The Effect of "In Favor of Myself": Preventive Program to Enhance Positive Self and Body Image Among Adolescents</i>	Golan, M., Hagay, N., & Tamir, S.	Keyakinan diri, kestabilan emosi, pencapaian pendidikan, dan keakraban keluarga melindungi remaja daripada tingkah laku yang menjejaskan kesihatan. Namun, pengaruh media mempengaruhi remaja untuk mengubah diri demi memenuhi tuntutan masyarakat. Kajian terhadap 259 remaja berumur 12-14 tahun menunjukkan program <i>In Favor of Myself</i> berjaya meningkatkan nilai diri tanpa bergantung pada tanggapan orang lain.	2013

<i>Growing Right on to Wellness (GROW): A Family-Centered, Community-Based Obesity Prevention Randomized Controlled Trial for Preschool Child-Parent Pairs</i>	Po'e, E. K., Heerman, W. J., Mistry, R. S., & Barkin, S. L.	Pendekatan <i>Growing Right On to Wellness</i> (GROW) meningkatkan kesadaran obesiti dalam kalangan kanak-kanak melalui campur tangan keluarga dan komuniti. Kajian melibatkan 600 pasangan ibu bapa dan kanak-kanak berumur 3-5 tahun. Peserta didedahkan kepada pengetahuan nutrisi, aktiviti fizikal, dan hubungan ibu bapa-anak. Hasilnya, ibu bapa lebih sedar tentang pentingnya penjagaan kesihatan awal untuk mencegah obesiti.	2013
<i>Psychosocial Support for Youth Living with HIV</i>	Martinez, J., Chakraborty, R., Aldrovandi, G. M., Chadwick, E. G., Cooper, E. R., Kourtis, A., Collins, E. M., Dominguez, K. L., Mofenson, L. M., Schutze, G. E., & Emanuel, A.	Aktiviti seksual sesama jenis di Afrika dan Amerika meningkatkan jangkitan HIV dalam kalangan remaja (13-24 tahun). Media boleh digunakan untuk meningkatkan pengetahuan tentang pengambilan ubat mengikut Akta Mudah Alih dan Akauntabiliti Insurans Kesihatan. Usaha ini penting untuk mengurangkan jangkitan baru dalam kalangan remaja.	2014
<i>The Impact of Media-Related Cognitions on Children's Substance Use Outcomes in the Context of Parental and Peer Substance Use</i>	Scull, T. M., Kupersmidt, J. B., & Erausquin, J. T.	Kajian terhadap 645 sampel menunjukkan kemahiran kognisi media mempengaruhi penggunaan alkohol dan rokok. Walaupun media menguar-uarkan bahaya, iklan lebih menarik minat untuk mencuba. Media perlu menghasilkan strategi periklanan yang lebih berkesan untuk menekankan keburukan pengambilan barangan tersebut.	2014

<i>Gender Differences in Response to "In Favor of Myself" Wellness Program to Enhance Positive Self & Body Image Among Adolescents</i>	Golan, M., Hagay, N., & Tamir, S.	Program <i>In Favor of Myself</i> meneliti perbezaan persepsi remaja lelaki dan perempuan terhadap keterampilan diri dan gaya pemakanan. Kajian melibatkan 210 remaja (55% perempuan, 45% lelaki). Hasilnya menunjukkan remaja perempuan lebih terpengaruh oleh media dan berusaha mencapai rupa paras ideal, manakala remaja lelaki lebih fokus pada berat badan.	2014
<i>Mapping Trends and Identifying Hot Spots of Research on Internet Health Information Seeking Behavior: A Quantitative and Co-Word Biclustering Analysis</i>	Li, F., Li, M., Guan, P., Ma, S., & Cui, L.	Penggunaan Internet untuk menambah pengetahuan kesihatan semakin meningkat. Analisis bibliometrik penerbitan PubMed menunjukkan 10 isu utama sering dirujuk: jangkitan HIV, informasi kesihatan pelajar, maklumat kesihatan melalui telefon bimbit, sumber perubatan, penggunaan media sosial oleh ibu bapa, informasi pesakit kanser, kesahan maklumat, hubungan pesakit-doktor, literasi komputer, dan sikap remaja mencari maklumat kesihatan.	2015
<i>An Exploratory Study of Inactive Health Information Seekers</i>	Kim, S.	<i>Annenberg National Health Communication Survey</i> (ANHCS) mengumpulkan 14,420 soal selidik untuk mengenal pasti individu yang tidak aktif mencari maklumat kesihatan. Hasilnya, 58.5% tidak aktif dan 41.5% aktif. Ciri-ciri golongan tidak aktif termasuk lelaki, muda, berpendidikan tinggi, berkulit putih, dan berpendapatan tinggi. Individu terdedah kepada media lebih berminat mencari maklumat kesihatan.	2015
<i>The More the Better? A Comparison of the Information Sources Used by the Public During Two</i>	Jardine, C. G., Boerner, F. U., Boyd, A. D., & Driedger, S. M.	Kajian di Kanada menunjukkan kepentingan pemahaman dan keputusan kesihatan diri. Penggunaan Internet meningkat 25% semasa SARS dan 56% semasa H1N1, tetapi orang awam lebih mempercayai sumber pakar berbanding Internet, terutama golongan berusia.	2015

<i>Infectious Disease Outbreaks</i>			
<i>Biological, Psychological and Social Processes that Explain Celebrities' Influence on Patients' Health-Related Behaviors</i>	Hoffman, S. J., & Tan, C.	Pengaruh media melalui pempengaruh sering digunakan untuk menyampaikan maklumat. Kajian neurosains menunjukkan selebriti yang mempromosikan sesuatu dapat membina kepercayaan peminat untuk mencuba. Namun, kredibiliti perlu diperhatikan agar maklumat yang disampaikan boleh dipercayai dan diamalkan.	2015
<i>Health and Media Literacy: The Choice of Milk Amongst Mothers for the Growth of Children</i>	Emma Mohamad, Nur Afiqah Mohd Haniff, Sabariah Mohamed Salleh, Abdul Latiff Ahmad & Hasrul Hashim	Kajian mendapati media berupaya menyumbang kepada pemahaman golongan ibu terutama melalui maklumat yang dipaparkan. Namun begitu, kebolehan responden untuk memperoleh capaian, memahami dan menilai maklumat kesihatan dalam media dengan baik tidak menjamin guna kait maklumat tersebut dalam tingkah laku kesihatan.	2015
<i>Health e-Mavens: Identifying Active Online Health Information Users</i>	Ye Sun, Miao Liu, Melinda Krakow	Peningkatan penggunaan Internet dapat meningkatkan komunikasi kesihatan dalam masyarakat. Pendekatan 'e-maven' digunakan untuk menyebarkan informasi kesihatan dengan lebih berkesan melalui dua dimensi: pemerolehan maklumat dan perkongsian maklumat. Dengan perkembangan media, kemahiran ini penting untuk memastikan masyarakat bijak menerima, memahami, dan mengaplikasikan maklumat kesihatan.	2015
<i>Improving Prevention Curricula: Lessons Learned Through Formative Research on</i>	Greene K.; Catona D.; Elek E.; Magsamen-Conrad K.; Banerjee S.C.; Hecht M.L.	Kajian ini menilai kebolehcapaian pelajar sekolah menengah terhadap literasi media melalui intervensi menganalisis dan merancang oleh <i>Youth Message Development</i> (YMD). Hasilnya menunjukkan program YMD berjaya mencungkil kemahiran berfikir kritikal pelajar tentang implikasi periklanan,	2016

<i>the Youth Message Development Curriculum</i>			kepentingan mengurangkan pengambilan alkohol, dan kesannya terhadap tubuh badan.	
<i>Health Advice from Internet Discussion Forums: How Bad Is Dangerous?</i>	Cole J.; Watkins C.; Kleine D.		Kajian terhadap 78 responden mengenai kesan perkongsian kesihatan di Internet menunjukkan 25 responden menerima skor 5-10, 38 responden skor 11-15, 12 responden skor 16-20, dan 3 responden skor 21-25. Ini menunjukkan perbincangan kesihatan di forum mencapai faktor 4:1, tetapi keberkesanannya mungkin berbeza mengikut jenis penyakit dan pendapat individu.	2016
<i>Entertainment or Health? Exploring the Internet Usage Patterns of the Urban Poor: A Secondary Analysis of a Randomized Controlled Trial</i>	McCloud R.F.; Okechukwu C.A.; Sorensen G.; Viswanath K.		Terdapat pelbagai versi penggunaan Internet yang diguna pakai dengan berpaksikan tujuan yang berbeza. Akan tetapi setiap kategori penggunaan Internet mempunyai perkaitan kerana bilangannya ialah 2.12 lebih daripada kadar pencarian maklumat kesihatan. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi kadar penggunaan Internet maka semakin tinggi kadar pencarian maklumat kesihatan di Internet berbanding pencarian maklumat berkaitan berita dan juga dan juga penglibatan kerajaan.	2016
<i>Using Eye Tracking and Gaze Pattern Analysis to Test a "Dirty Bomb" Decision Aid in a Pilot RCT in Urban Adults with Limited Literacy</i>	Bass S.B.; Gordon T.F.; Gordon R.; Parvanta C.		Kajian ini menilai individu yang kurang berpengetahuan tentang <i>dirty bomb</i> berbanding mereka yang berpengetahuan. Hasilnya menunjukkan individu berpengetahuan lebih memahami situasi dengan berkesan. Kajian menekankan pentingnya susunan bahan dan komunikasi yang sesuai untuk meningkatkan literasi golongan kurang berpengetahuan, terutama dalam mengekalkan kesihatan akibat radiasi bom.	2016

<i>Electronic Communication Channel Use and Health Information Source Preferences Among Latinos in Northern Manhattan</i>	Hillyer G.C.; Schmitt K.M.; Lizardo M.; Reyes A.; Bazan M.; Alvarez M.C.; Sandoval R.; Abdul K.; Orjuela M.A.	Kajian melibatkan 497 responden, majoritinya wanita (68.2%) dengan tahap pendidikan menengah ke bawah (70.5%). Sebanyak 29.4% responden tidak mempunyai literasi kesihatan mencukupi dan memerlukan bantuan membaca maklumat perubatan. Faktor penyumbang utama ialah tahap pendidikan rendah dan penggunaan telefon bimbit yang terhad.	2017
<i>The Relevance of Health Literacy to mHealth</i>	Kreps G.L.	Kajian ini meneliti literasi kesihatan dalam penggunaan aplikasi <i>mHealth</i> dan kaitannya dengan literasi media. Literasi kesihatan melibatkan pengetahuan, penilaian, dan tindakan. Kajian menekankan kepentingan komunikasi yang efektif, reka bentuk mesej yang berkesan, dan mekanisme maklum balas untuk meningkatkan literasi kesihatan dan media. Kedua-dua konsep ini memerlukan pemikiran kritis dan kemahiran memahami.	2017
<i>"I Want to Know Everything": A Qualitative Study of Perspectives from Patients with Chronic Diseases on Sharing Health Information During Hospitalization</i>	Benham-Hutchins M.; Staggers N.; Mackert M.; Johnson A.H.; Debronkart D.	Kajian terhadap 34 pesakit kronik mendapati mereka ingin maklumat kesihatan komprehensif dan terlibat dalam penjagaan. Walaupun mereka berminat dan menggunakan kaedah pemantauan kesihatan, masalah komunikasi dengan penyedia penjagaan menunjukkan kekurangan dalam literasi media. Majoriti responden mungkin mempunyai literasi media sederhana hingga tinggi.	2017
<i>'You Could Get Sick, Disgusting': An Analysis of Alcohol Counter-Advertisements Created by Children</i>	Gordon C.S.; Jones S.C.; Kervin L.K.; Howard S.J.	Kajian ini melibatkan pelajar sekolah rendah sebagai responden, menganalisis literasi media melalui penghasilan iklan balas alkohol. Hasil menunjukkan pelajar memahami teknik pujukan, kesan negatif alkohol, dan mampu mencipta respons kritis, mencerminkan kemahiran literasi media mereka dalam menilai mesej media kesihatan..	2018

<i>Exploring How Brazilian Immigrant Mothers Living in the USA Obtain Information About Physical Activity and Screen Time for their Preschool-Aged Children: A Qualitative Study</i>	Lindsay A.C.; Arruda C.A.M.; MacHado M.M.T.; De Andrade G.P.; Greaney M.L.	Ibu-ibu prasekolah awalnya tidak mencari maklumat tentang aktiviti fizikal dan masa tapisan anak-anak, tetapi maklumat tidak diminta daripada pelbagai sumber meningkatkan literasi media mereka. Kesedaran ini membawa perubahan tingkah laku kesihatan, mendorong mereka secara aktif mencari maklumat melalui Internet dan komunikasi dengan rakan serta keluarga.	2018
<i>Enhanced Self-efficacy and Behavioral Changes Among Patients with Diabetes: Cloud-based Mobile Health Platform and Mobile App Service</i>	Chao D.Y.P.; Lin T.M.Y.; Ma W.-Y.	Kajian terhadap pesakit diabetes mendapati penggunaan aplikasi mudah alih dalam penyaluran maklumat kepada pesakit menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan tahap kesihatan pesakit. Penggunaan teknologi maklumat menunjukkan pesakit mematuhi saranan kesihatan seterusnya mengubah tingkah laku mereka.	2019
<i>Science, Health, and Cultural Literacy in a Rapidly Changing Communications Landscape</i>	Scrimshaw S.C.	Literasi media memainkan peranan penting dalam mendorong perubahan tingkah laku dengan membantu individu menilai maklumat, mengatasi penapis komunikasi, dan memahami mesej berdasarkan kepercayaan. Strategi relevan secara budaya melalui saluran media dipercayai serta pendekatan komuniti dapat menyelaraskan mesej, mempengaruhi keputusan, dan meningkatkan literasi kesihatan.	2019
<i>Deciphering the Signal from the Noise: Caregivers' Information Appraisal and Credibility Assessment of Cancer-Related Information</i>	Gage-Bouchard E.A.; LaValley S.; Devonish J.A.	Kajian mendapati penjaga kanser menggunakan rangkaian sosial (SNS) untuk maklumat segera, disesuaikan, dan responsif kepada soalan khusus mereka. SNS memudahkan capaian maklumat tanpa perlu bergantung kepada sumber tradisional, menjadikannya alat praktikal untuk memenuhi keperluan penjaga dalam menangani tuntutan penjagaan kanser.	2019

*Exchanged on Social
Networking Sites*

<i>Analysis of the Moderating Effect of Media Literacy on Cervical Cancer Preventive Behaviours</i>	Shinta A.D.; Salleh M.A.M.; Ali M.N.S.	Kajian menunjukkan literasi media secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku pencegahan kanser pangkal rahim, dengan tahap pendidikan sebagai faktor kesederhanaan signifikan. Pendidikan tinggi memperkuat literasi media, penerimaan maklumat kesihatan, dan tingkah laku pencegahan, membuktikan hubungannya dengan pemahaman isu kesihatan dan peningkatan hasil pencegahan.	2019
<i>(Un)healthy Behavior? the Relationship Between Media Literacy, Nutritional Behavior, and Self-Representation on Instagram</i>	Riesmeyer C.; Hauswald J.; Mergen M.	Kajian ini mendapati literasi media dan kesihatan melibatkan pengetahuan, penilaian, dan tindakan. Temu bual dengan remaja perempuan menunjukkan hubungan antara literasi ini dan tingkah laku pemakanan. Walaupun mereka mempunyai pengetahuan asas, mereka tidak menganalisis maklumat secara kritis dan lebih terpengaruh dengan imej di <i>Instagram</i> , yang sering tidak sah.	2019
<i>Evaluating the Short-term Impact of Media Aware Parent, a Web-based Program for Parents with the Goal of Adolescent Sexual Health Promotion</i>	M. Scull T.; V. Malik C.; M. Keefe E.; Schoemann A.	Hasil kajian mendapati ibu bapa setuju bahawa anak-anak mereka perlu mengikuti program literasi media berhubung kesihatan seksual bagi melindungi anak-anak.	2019
<i>Chinese Public's engagement in preventive and intervening health behaviors during the</i>	Niu Z.; Wang T.; Hu P.; Mei J.; Tang Z.	Kajian mendapati tahap literasi media dan perubahan tingkah laku responden (2949) dipengaruhi oleh tahap pendidikan. Responden yang mempunyai pendidikan tinggi dan sudah berkahwin mempunyai tahap literasi media yang lebih tinggi berbanding mereka yang berpendidikan rendah. Tahap literasi	2020

<i>early breakout of COVID-19: Cross-sectional study</i>			media responden ialah mereka mengamalkan maklumat berhubung kesihatan semasa covid-19 dan berkongsi bersama ahli keluarga. Maklumat mereka peroleh menerusi semua platform media (media cetak dan media elektronik).	
<i>Enhancing Global Health Communication During a Crisis: Lessons from the COVID-19 Pandemic</i>	Ratzan S.C.; Sommariva S.; Rauh L.		Pandemik Covid-19 mencabar pengamal kesihatan awam untuk mempertimbangkan prinsip komunikasi kesihatan sedia ada. Penyaluran maklumat perlu merangkumi cabaran infodemik, rawatan dan vaksin, komunikasi risiko, informasi kesihatan dan tingkah laku, hubungan literasi media dan kesihatan, kesan wabak terhadap isu kesihatan lain, serta strategi komunikasi yang fleksibel.	2020
<i>The Use of Technology for Communicating with Clinicians or Seeking Health Information in a Multilingual Urban Cohort: Cross-Sectional Survey</i>	Khoong E.C.; Rivadeneira N.A.; Hiatt R.A.; Sarkar U.		Kajian mendapati pemilikan telefon pintar tidak berkaitan dengan hubungan pesakit dan pengamal perubatan. Penguasaan bahasa Inggeris dan sistem kesihatan mendorong penggunaan teknologi untuk maklumat kesihatan. Tiada faktor dominan dalam literasi kesihatan, tetapi faktor demografi dan persekitaran mempengaruhi tahap literasi media masyarakat.	2020
<i>Comparing How Patients Value and Respond to Information on Risk Given in Three Different Forms During Dental Check-ups: The PREFER Randomised Controlled Trial</i>	Harris R.; Lowers V.; Laverty L.; Vernazza C.; Burnside G.; Brown S.; Ternent L.		Kajian terhadap 412 pesakit dewasa dengan masalah gigi sederhana dan berisiko tinggi mendapati bahawa maklumat lisan dan kaedah lampu isyarat tidak mengubah tingkah laku penjagaan kesihatan gigi dalam tempoh 3 bulan. Maklumat hanya diterima, tidak dikongsi atau diaplikasikan.	2020

<i>Impact of Communicating With Doctors Via Social Media on Consumers' E-Health Literacy and Healthy Behaviors in China</i>	Wu T.; He Z.; Zhang D.	Kajian ini mendapati komunikasi melalui rangkaian sosial antara doktor dan pesakit meningkatkan tahap kesihatan pesakit. Responden memberikan maklum balas positif, mengikuti nasihat doktor, dan mencadangkan maklumat kepada rakan. Walaupun tidak secara langsung menyentuh literasi media, terdapat perkaitan dengan literasi kesihatan.	2020
---	------------------------	--	------

PERBINCANGAN

Hubungan Literasi Media dan Perubahan Tingkah Laku Kesihatan: Tinjauan Literatur

Berdasarkan tinjauan literatur sistematik, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara literasi media dan perubahan tingkah laku kesihatan. Model Literasi e-Kesihatan Transaksional yang diperkenalkan oleh Paige et al. (2018) telah digunakan sebagai asas untuk memahami hubungan ini. Model ini mengklasifikasikan literasi media kepada empat tahap, iaitu fungsian, komunikatif, kritikal, dan translasi. Setiap tahap menggambarkan pencapaian berbeza dalam memahami, menggunakan, dan berkongsi maklumat kesihatan.

Tahap pertama, **fungsian**, merangkumi keupayaan asas seperti menerima, memahami, dan mengaplikasikan maklumat kesihatan. Tahap kedua, **komunikatif**, melibatkan penerimaan maklumat, pemahaman yang lebih mendalam, serta kemampuan berinteraksi dengan persekitaran dan bertoleransi. Seterusnya, tahap **kritikal** menekankan keupayaan menilai kesahihan maklumat, berkongsi pengetahuan kesihatan, dan membuat keputusan yang berinformasi. Tahap terakhir, **translasi**, dianggap sebagai tahap tertinggi, di mana seseorang mampu menggabungkan pemahaman kognitif dengan konteks kesihatan untuk menghasilkan keputusan yang lebih tepat dan berkesan.




Rajah 4

Empat tahap yang dikenal pasti dalam hubungan Literasi Media dan Perubahan Tingkah Laku Kesihatan berdasarkan tinjauan literatur 2010-2020. Sumber: kajian lapangan.

Bagi menjelaskan aplikasi Model Literasi e-Kesihatan Transaksional, kajian literatur telah dibahagikan kepada tiga kelompok utama: kanak-kanak, remaja, dan dewasa. Pembahagian ini memudahkan analisis berhubung tahap literasi media dan kesannya terhadap

perubahan tingkah laku kesihatan dalam setiap kelompok sebagaimana rajah 5 di bawah. Pengkaji membangunkan Model Kajian Literasi Media dan Perubahan Tingkah laku Kesihatan Menerusi Analisis Artikel Tahun 2010 hingga 2020 bagi memudahkan penjelasan dapatan kajian.



Rajah 5

Model Kajian Literasi Media dan Perubahan Tingkah laku Kesihatan Menerusi Analisis Artikel Tahun 2010 hingga 2020. Sumber: Kajian Lapangan

Kelompok Kanak-Kanak

Kajian dalam kalangan kanak-kanak menunjukkan hasil yang bercampur-campur. Sebagai contoh, kajian Reisch et al. (2013) yang melibatkan 229 kanak-kanak di Eropah mendapati tiada hubungan signifikan antara pengetahuan makanan yang dimiliki oleh kanak-kanak dan pilihan makanan mereka. Pengaruh media, khususnya iklan makanan komersial, lebih dominan dalam mempengaruhi tingkah laku mereka. Hal ini menunjukkan bahawa literasi media dalam kalangan kanak-kanak masih berada pada tahap fungsian.

Sebaliknya, kajian Po'e et al. (2013) yang menggunakan program 'Growing Right Onto Wellness' (GROW) mendapati peningkatan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak apabila ibu bapa turut terlibat. Campur tangan penjaga membantu kanak-kanak memahami maklumat kesihatan dengan lebih baik dan meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pentingnya penjagaan kesihatan anak-anak sejak awal. Kajian ini mencerminkan keberkesanan pendekatan

yang melibatkan sokongan sosial dan keluarga dalam meningkatkan literasi media kanak-kanak.

Kelompok Remaja

Dalam kalangan remaja, terdapat tujuh kajian yang menyentuh literasi media dan hubungannya dengan tingkah laku kesihatan. Levin-Zamir dan Bertschi (2018) mengkaji remaja di Israel dan mendapati bahawa latar belakang penjaga, khususnya tahap pendidikan dan pengetahuan kesihatan, memainkan peranan penting dalam menentukan keberhasilan literasi media. Remaja yang dibimbing oleh penjaga berpendidikan tinggi lebih cenderung mengekalkan amalan kesihatan berkualiti.

Kajian Golan et al. (2013, 2014) pula menggunakan pendekatan 'In Favor of Myself' untuk melihat pengaruh media terhadap keyakinan diri dan persepsi remaja. Walaupun pendekatan ini berjaya meningkatkan nilai sendiri remaja, perbezaan persepsi antara remaja lelaki dan perempuan mencerminkan pengaruh media yang berbeza terhadap kedua-dua kumpulan. Situasi ini menunjukkan bahawa literasi media remaja lebih tertumpu pada tahap fungsian kerana maklumat hanya diterima dan difahami tanpa disemak atau dikongsi secara meluas.

Tambahan pula, kajian Greene et al. (2016) dan Gordon et al. (2018) membincangkan pengaruh alkohol terhadap remaja. Melalui program *Youth Message Development* (YMD), pelajar sekolah menengah diajar untuk berfikir secara kritikal tentang alkohol dan implikasinya terhadap kesihatan. Walaupun pelaksanaan program ini menunjukkan potensi dalam meningkatkan literasi media, pengaruh media melalui iklan alkohol tetap menjadi cabaran utama.

Kelompok Dewasa

Kajian literatur menunjukkan bahawa golongan dewasa ialah kelompok yang paling banyak dikaji, dengan 25 artikel yang membincangkan variasi isu literasi media dan tingkah laku kesihatan. Kajian Turk et al. (2013) di Pakistan mendapati jurang pengetahuan kesihatan dalam kalangan masyarakat luar bandar disebabkan keterbatasan capaian kepada maklumat dan kemampuan membaca yang rendah. Kajian lain oleh Jardine et al. (2015) menunjukkan bahawa masyarakat lebih mempercayai maklumat daripada pakar berbanding media massa semasa wabak SARS dan H1N1.

Selain itu, lima kajian lain seperti Benham-Hutchins et al. (2017) dan Harris et al. (2020) membincangkan literasi media dalam konteks penyakit kronik, diabetes, dan kanser. Kajian Wu et al. (2020) menunjukkan tahap komunikatif dicapai apabila interaksi antara pesakit dan doktor melalui media sosial membantu meningkatkan literasi e-kesihatan. Namun, kebanyakan kajian lain hanya mencapai tahap fungsian, di mana maklumat diterima dan difahami tanpa perkongsian atau semakan kesahihan maklumat.

KESIMPULAN

Hasil analisis menunjukkan literasi media dalam kalangan kanak-kanak, remaja, dan dewasa kebanyakannya berada pada tahap fungsian, dengan hanya segelintir kajian mencapai tahap komunikatif atau kritikal. Dalam kalangan kanak-kanak, literasi media dipengaruhi oleh kandungan media dan sokongan penjaga. Kajian seperti Reisch et al. (2013) mendapati

pengaruh iklan makanan tidak sihat lebih dominan berbanding pendidikan kesihatan asas. Walau bagaimanapun, program seperti *Growing Right Onto Wellness* (GROW) yang melibatkan penjaga terbukti meningkatkan tingkah laku sihat kanak-kanak.

Dalam kalangan remaja, latar belakang pendidikan penjaga dan kandungan media memainkan peranan penting. Levin-Zamir dan Bertschi (2018) mendapati bahawa pendidikan penjaga membantu remaja memahami dan menggunakan maklumat kesihatan dengan lebih baik. Walaupun kebanyakan dapatan hanya mencapai tahap fungsian, pendekatan seperti 'In Favor of Myself' berjaya meningkatkan keyakinan remaja terhadap kesihatan mereka. Namun, pengaruh negatif media sosial dan iklan alkohol seperti dilaporkan oleh Greene et al. (2016) dan Gordon et al. (2018) terus menjadi cabaran.

Dalam kalangan dewasa, literasi media lebih pelbagai, tetapi kebanyakan kajian hanya menunjukkan pencapaian tahap fungsian. Kajian Jardine et al. (2015) mencatat tahap kritikal, manakala interaksi melalui media sosial seperti yang dicatatkan oleh Wu et al. (2020) dan Benham-Hutchins et al. (2017) berpotensi mendorong pencapaian tahap komunikatif.

Model literasi e-Kesihatan transaksional Paige et al. (2018) berjaya menjelaskan hubungan antara tahap literasi media dengan perubahan tingkah laku kesihatan. Rangkuman mendapati hanya tiga artikel mencapai tahap komunikatif, satu tahap kritikal (Jardine et al., 2015), dan 31 artikel di tahap fungsian. Ini menegaskan perlunya pendidikan literasi media dalam kurikulum sekolah, pengawalan kandungan media negatif, dan penggunaan media digital untuk meningkatkan literasi media ke tahap lebih tinggi.

SUMBANGAN PENULIS

Sumbangan Pengarang: Konsep, Norhuda Salleh dan Asmiaty Amat.; metodologi, Norhuda Salleh dan Nor Adila Samuri; penyelidikan, Norhuda Salleh, Nor Adila Samuri dan Asmiaty Amat.; Penyusunan data, Norhuda Salleh, Nor Adila Samuri dan Asmiaty Amat.; penulisan-penyediaan draf asal, Norhuda Salleh dan Asmiaty Amat.; penulisan-suntingan dan semakan, Norhuda Salleh, Nor Adila Samuri dan Asmiaty Amat.; Pentadbiran Projek, Norhuda Salleh. Semua Pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PEMBIAYAAN

Pembiayaan: Pengarang tidak menerima pembiayaan khusus untuk hasil penyelidikan ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan dalam penyelidikan dan penghasilan penulisan.

BIOGRAFI

NORHUDA SALLEH (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Komunikasi Massa dari Universiti Teknologi Mara dan Ph.D dari Universiti Malaya. Bidang pengkhususan beliau ialah Komunikasi Massa. Fokus kajian beliau berkaitan media massa, komuniti dan komunikasi antara budaya.

NOR ADILA SAMURI merupakan calon Pasca Siswazah Doktor Falsafah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Komunikasi) dan Ijazah Sarjana Sains Sosial dari Universiti Malaysia Sabah. Fokus kajian beliau berkaitan komunikasi bukan lisan.

ASMIATY AMAT (Ph.D) merupakan Profesor di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ph.D dalam bidang Pengajian Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM). Fokus kajian beliau adalah berkenaan kritikan karya sastera Sabah dan Sarawak. Beliau banyak menulis buku berkaitan sastera dan adat budaya masyarakat peribumi termasuk cerita rakyat.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, Abdul Manaf, Mohammad Rezal Hamzah, & Habee Bullah Affandy. (2024). Kepentingan Literasi Maklumat dan Media (MIL), Kesyukuran Digital dan Keselamatan Siber terhadap Kesejahteraan Digital Belia. *Journal of Communication in Scientific Inquiry (JCSI)*, 6. <https://ejournal.unimap.edu.my/index.php/jcsi/article/download/1107/723/4335>.
- Arya Dharma Shinta, Mohd Azul Mohamad Salleh, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2019). Analysis of the Moderating Effect of Media Literacy on Cervical Cancer Preventive Behaviours. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1), 156–170. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3501-11>.
- Bass, S. B., Gordon, T. F., Gordon, R., & Parvanta, C. (2016). Using Eye Tracking and Gaze Pattern Analysis to Test a “Dirty Bomb” Decision Aid in a Pilot RCT in Urban Adults with Limited Literacy. *BMC Medical Informatics and Decision Making*, 16(67), 1–13. <https://doi.org/10.1186/s12911-016-0304-5>.
- Benham-Hutchins, M., Staggers, N., Mackert, M., Johnson, A. H., & Debronkart, D. (2017). “I Want to Know Everything”: A Qualitative Study of Perspectives from Patients with Chronic Diseases on Sharing Health Information During Hospitalization. *BMC Health Services Research*, 17(1). <https://doi.org/10.1186/s12913-017-2487-6>.
- Buckingham, D. (2003). Media Education. Literacy, Learning and Contemporary Culture. Cambridge: Polity Press.
- Cappello, G. (2017). Literacy, Media Literacy and Social Change. Where Do We Go from Now? *Italian Journal of Sociology of Education*, 9(1), 31–44. <https://doi.org/10.14658/pupj-ijse-2017-1-3>.
- Ciurel, D. (2016). Media literacy: Concepts, Approaches and Competencies. *Professional Communication and Translation Studies*, 9, 13–21.
- Cole, J., Watkins, C., & Kleine, D. (2016). Health Advice from Internet Discussion Forums: How Bad is Dangerous? *Journal of Medical Internet Research*, 18(1). <https://doi.org/10.2196/JMIR.5051>.
- Chao, D. Y. P., Lin, T. M. Y., & Ma, W. Y. (2019). Enhanced Self-efficacy and Behavioral Changes Among Patients with Diabetes: Cloud-based Mobile Health Platform and Mobile App Service. *JMIR Diabetes*, 4(2), 1–15. <https://doi.org/10.2196/11017>.
- Elsevier. (2023). *Scopus*. https://www.elsevier.com/products/scopus/content?dgcid=RN_AGCM_Sourced_300005030.
- Emma Mohamad, Nur Afiqah Mohd Haniff, Sabariah Mohamed Salleh, Abdul Latiff Ahmad, & Hasrul Hashim. (2015). Health and Media Literacy: The Choice of Milk Amongst

- Mothers for the Growth of Children. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 83–97. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3102-06>.
- Gage-Bouchard, E. A., LaValley, S., & Devonish, J. A. (2019). Deciphering the Signal from the Noise: Caregivers' Information Appraisal and Credibility Assessment of Cancer-Related Information Exchanged on Social Networking Sites. *Cancer Control*, 26(1). <https://doi.org/10.1177/1073274819841609>.
- Golan, M., Hagay, N., & Tamir, S. (2013). The Effect of “In Favor of Myself”: Preventive Program to Enhance Positive Self and Body Image Among Adolescents. *PLoS ONE*, 8(11). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0078223>.
- Golan, M., Hagay, N., & Tamir, S. (2014). Gender Related Differences in Response to “In Favor of Myself” Wellness Program to Enhance Positive Self & Body Image Among Adolescents. *PLoS ONE*, 9(3). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0091778>.
- Gordon, C. S., Jones, S. C., Kervin, L. K., & Howard, S. J. (2018). “You Could Get Sick, Disgusting”: An Analysis of Alcohol Counter-Advertisements Created by Children. *Health Education Research*, 33(5), 337–350. <https://doi.org/10.1093/her/cyy022>.
- Greene, K., Catona, D., Elek, E., Magsamen-Conrad, K., Banerjee, S. C., & Hecht, M. L. (2016). Improving Prevention Curricula: Lessons Learned Through Formative Research on the Youth Message Development Curriculum. *Journal of Health Communication*, 21(10), 1071–1078. <https://doi.org/10.1080/10810730.2016.1222029>.
- Harris, R., Lowers, V., Laverty, L., Vernazza, C., Burnside, G., Brown, S., & Ternent, L. (2020). Comparing How Patients Value and Respond to Information on Risk Given in Three Different Forms During Dental Check-Ups: The PREFER Randomised Controlled Trial. *Trials*, 21(1), 1–11. <https://doi.org/10.1186/s13063-019-3824-3>.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Asnarulkhadi Abu Samah, & Samsul Farid Samsuddin. (2021). Guidelines for Developing a Systematic Literature Review for Studies Related to Climate Change Adaptation. *Environmental Science and Pollution Research*, 28, 22265–22277. https://www.researchgate.net/publication/350240424_Guidelines_for_developing_a_systematic_literature_review_for_studies_related_to_climate_change_adaptation.
- Helliwell, J. F., Layard, R., Sachs, J. D., De Neve, J.-E., Aknin, L. B., & Wang, S. (Eds.). (2023). World Happiness Report 2023. New York: Sustainable Development Solutions Network.
- Hillyer G.C.; Schmitt K.M.; Lizardo M.; Reyes A.; Bazan M.; Alvarez M.C.; Sandoval R.; Abdul K. & Orjuela M.A. (2017). Electronic Communication Channel Use and Health Information Source Preferences Among Latinos in Northern Manhattan. *J Community Health* 42, 349–357. <https://doi.org/10.1007/s10900-016-0261-z>.
- Hoag, A. (2008). Measuring media entrepreneurship. *International Journal on Media Management*, 10, 74–80.
- Jardine, C. G., Boerner, F. U., Boyd, A. D., & Driedger, S. M. (2015). The More the Better? A Comparison of the Information Sources Used by the Public During Two Infectious Disease Outbreaks. *PLoS ONE*, 10(10). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0140028>.
- Jayantibhai, V. P., & Tejal, J. S. (2010). Information literacy: Gaps between concept and application. *62nd IFLA General Conference Proceedings*, 1(9), 1–10.
- Kim, S. (2015). An Exploratory Study of Inactive Health Information Seekers. *International journal of medical informatics*, 84 2, 119–33.
- Khoong, E. C., Rivadeneira, N. A., Hiatt, R. A., & Sarkar, U. (2020). The Use of Technology for Communicating with Clinicians or Seeking Health Information in a Multilingual Urban Cohort: Cross-Sectional Survey. *Journal of Medical Internet Research*, 22(4). <https://doi.org/10.2196/16951>.

- Kreps, G. L. (2017). The Relevance of Health Literacy to mHealth. *Information Services and Use*, 37, 123–130. <https://doi.org/10.3233/ISU-170828>.
- Lau, J. (2006). Garispanduan mengenai literasi maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat. *Ifla*, 1–81.
- Levin-Zamir, D., Lemish, D., & Gofin, R. (2011). Media Health Literacy (MHL): Development and Measurement of the Concept Among Adolescents. *Health Education Research*, 26(2), 323–335. <https://doi.org/10.1093/her/cyr007>.
- Levin-Zamir, D., & Bertschi, I. (2018). Media Health Literacy, eHealth Literacy, and the Role of the Social Environment in Context. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15(8), 1–12. <https://doi.org/10.3390/ijerph15081643>.
- Li, F., Li, M., Guan, P., Ma, S., & Cui, L. (2015). Mapping Publication Trends and Identifying Hot Spots of Research on Internet Health Information Seeking Behavior: A Quantitative and Co-Word Biclustering Analysis. *Journal of Medical Internet Research*, 17(3). <https://doi.org/10.2196/jmir.3326>.
- Lindsay, A. C., Arruda, C. A. M., Machado, M. M. T., De Andrade, G. P., & Greaney, M. L. (2018). Exploring How Brazilian Immigrant Mothers Living in the USA Obtain Information About Physical Activity and Screen Time for their Preschool-Aged Children: A Qualitative Study. *BMJ Open*, 8(8), 10–10. <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2018-021844>.
- Martinez, J., Chakraborty, R., Aldrovandi, G. M., Chadwick, E. G., Cooper, E. R., Kourtis, A., Collins, E. M., Dominguez, K. L., Mofenson, L. M., Schutze, G. E., & Emanuel, A. (2014). Psychosocial Support for Youth Living with HIV. In *Pediatrics* (Vol. 133, Issue 3). American Academy of Pediatrics. <https://doi.org/10.1542/peds.2013-4061>.
- Mohamad Fazlan Kamaruzaman, & Emma Mohamad. (2023). Analisis Tingkah Laku Pencarian Maklumat COVID-19 dari Perspektif Model Literasi e-Kesihatan Transaksional. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(4), 183–201. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3904-10>.
- Mohammad Reza Hamzah, Emma Mohamad, & Mohd Yusof Abdullah. (2016). Pengaruh Literasi Kesihatan Terhadap Tingkah Laku Pencarian Maklumat Kesihatan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 405–424. <https://journalarticle.ukm.my/10512/1/16488-46322-1-SM.pdf>.
- Moher, D., Shamseer, L., Clarke, M., Ghersi, D., Liberati, A., Petticrew, M., Shekelle, P., A Stewart, L., & PRISMA-P Group. (2015). Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis Protocols (PRISMA-P) 2015 Statement. *BioMed Central*, 4(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/2046-1682-4-13>.
- Muhaymin Hakim Abdullah, Lutfan Jaes, Mohd Zulfadli Rozali, Nurizyani Azhar, YuslizarvKamaruddin, & Asyraf Maula. (2022). Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR): Elemen Humanisme dalam Sistem Pendidikan. *Human Sustainability Procedia*, 2(2), 57–67. <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.02.007>.
- McCloud, R. F., Okechukwu, C. A., Sorensen, G., & Viswanath, K. (2016). Entertainment or Health? Exploring the Internet Usage Patterns of the Urban Poor: A Secondary Analysis of a Randomized Controlled Trial. *Journal of Medical Internet Research*, 18(3). <https://doi.org/10.2196/jmir.4375>.
- M. Scull T.; V. Malik C.; M. Keefe E. & Schoemann A (2019). Evaluating the Short-term Impact of Media Aware Parent, a Web-based Program for Parents with the Goal of Adolescent Sexual Health Promotion. *J Youth Adolescence* 48, 1686–1706. <https://doi.org/10.1007/s10964-019-01077-0>.
- Najiah Sahide, Hezzrin Mohd Pauzi, & Normah Awang Noh. (2022). Isu dan Literasi Kesihatan Mental dalam kalangan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001688. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1688>.

- Niu, Z., Wang, T., Hu, P., Mei, J., & Tang, Z. (2020). Chinese Public's Engagement in Preventive and Intervening Health Behaviors During the Early Breakout of COVID-19: Cross-Sectional Study. *Journal of Medical Internet Research*, 22(8). <https://doi.org/10.2196/19995>.
- Norazimah Abd, R., Liana, M. N., & Aruna Raj, D. (2016). Literasi Dalam Memperolehi Hiburan Bermaklumat: Kajian Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia. *Al'-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences*, 9, 99–105.
- Nur Syaedah Kamis, Mardziah Mohd Isa, & Nur Syamilah Md Noor. (2023). Sorotan Literatur Sistematis: Kekangan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) di Malaysia. *Malaysian Online Journal of Education*, 7(2), 33–44. https://www.researchgate.net/publication/376855034_Sorotan_Literatur_Sistematis_Kekangan_Pengajaran_dan_Pembelajaran_di_Rumah_PdPR_di_Malaysia_Systematic_Literature_Review_The_Obstacles_of_Home_Teaching_and_Learning_in_Malaysia.
- Paige, S. R., Stelfox, M., Krieger, J. L., Anderson-Lewis, C., Cheong, J., & Stopka, C. (2018). Proposing a transactional model of eHealth literacy: Concept analysis. *Journal of Medical Internet research*, 20(10), e10175.
- Parandeh Afshar, P., Keshavarz, F., Salehi, M., Rezvan Moghadam, F., Khajoui, E., Nazari, F., & Dehghan, M. (2022). Health Literacy and Media Literacy: Is There Any Relation? *Community Health Equity Res Policy*, 42(2), 195–201. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/33259271/>.
- Paul Marsden. (2022). World Happiness Report 2022: 3 Insights for Digital Wellbeing, March 23, 2022. <https://digitalwellbeing.org/world-happiness-report-2022-3-insights-for-digital-wellbeing/>.
- Pearson, J. C., Nelson, P. E., Titsworth, S., & Harter, L. (2011). *Human communication* (Fourth Edi). McGraw-Hill.
- Perpustakaan Negara Malaysia, . (2019). *Panduan literasi media dan maklumat*.
- Po'e, E. K., Heerman, W. J., Mistry, R. S., & Barkin, S. L. (2013). Growing Right Onto Wellness (GROW): A Family-Centered, Community-Based Obesity Prevention Randomized Controlled Trial for Preschool Child–Parent Pairs. *Contemporary Clinical Trials*, 36(2), 436–449. <https://doi.org/10.1016/J.CCT.2013.08.013>.
- Ratzan, S. C., Sommariva, S., & Rauh, L. (2020). Enhancing Global Health Communication During a Crisis: Lessons from the COVID-19 Pandemic. *Public Health Research and Practice*, 30(2), 1–6. <https://doi.org/10.17061/phrp3022010>.
- Reisch, L. A., Gwozdz, W., Barba, G., De Henauw, S., Lascorz, N., & Pigeot, I. (2013). Experimental Evidence on the Impact of Food Advertising on Children's Knowledge About and Preferences for Healthful Food. *Journal of Obesity*, 2013. <https://doi.org/10.1155/2013/408582>.
- Riesmeyer, C., Hauswald, J., & Mergen, M. (2019). (Un)healthy Behavior? The Relationship Between Media Literacy, Nutritional Behavior, and Self-Representation on Instagram. *Media and Communication*, 7(2), 160–168. <https://doi.org/10.17645/mac.v7i2.1871>
- Salvin Paul, & Maheema Rai. (2021). Role of The Media. *The Palgrave Encyclopedia of Global Security Studies*, 1–9. https://doi.org/10.1007/978-3-319-74336-3_277-1.
- Sun, Y., Liu, M., & Krakow, M. (2015). Health e-Mavens: Identifying Active Online Health Information Users. *Health Expectations*, 19(5), 1071–1083. <https://doi.org/10.1111/hex.12398>.
- Scrimshaw, S. C. (2019). Science, Health, and Cultural Literacy in a Rapidly Changing Communications Landscape. *Proceedings of the National Academy of Sciences of the United States of America*, 116(16), 7650–7655. <https://doi.org/10.1073/pnas.1807218116>.
- Scull, T. M., Kupersmidt, J. B., & Erausquin, J. T. (2014). The Impact of Media-Related Cognitions on Children's Substance Use Outcomes in the Context of Parental and Peer

- Substance Use. *Journal of youth and adolescence*, 43(5), 717–728. <https://doi.org/10.1007/s10964-013-0012-8>.
- Stix, D. C., & Jolls, T. (2020). Promoting media literacy learning - a comparison of various media literacy models. *Media Education*, 11(1), 15–23. <https://doi.org/10.36253/me-9091>.
- Turk, T., Newton, F. J., Netwon, J. D., Naureen, F., & Bokhari, J. (2013). Evaluating the Efficacy of Tuberculosis Advocacy, Communication and Social Mobilization (ACSM) Activities in Pakistan: A Cross-sectional Study. *BMC Public Health*, 13(1). <https://doi.org/10.1186/1471-2458-13-887>.
- Wu, T., He, Z., & Zhang, D. (2020). Impact of Communicating with Doctors Via Social Media on Consumers' E-Health Literacy and Healthy Behaviors in China. *Inquiry: The Journal of Health Care*, 57, 1–7. <https://doi.org/10.1177/0046958020971188>.
- Yazid, I., & Zuliana, A. R. (2018). Making this world a better place through information literacy: In4skill campaign for rural communities. In *IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur*.
- Yi Ting, C., Bee Koon, P., Ruzita Abd. Talib, Denise, K., Pik Xuan, W., Livan, N. G., Whye Lian, C., Ai Cheng, L. J., Yatiman Noor Hafizah, Cecilia A., E., Sue, R., Carolyn, S., & Edward Leigh, G. (2024). Kajian Rintis Penilaian Literasi Digital: Kesediaan Guru Prasekolah Menggunakan Platform Pembelajaran dalam Talian untuk Pendidikan Pemakanan. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 22(1), 71–82. <https://doi.org/10.17576/JSKM-2024-2201-08>.